

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

BERITA HARIAN, ISNIN, 31 DISEMBER, 1979

Mahathir rasmi sidang di Bali

KUALA LUMPUR, Ahad — Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan merasmikan persidangan antarabangsa mengenai masa depan perhubungan ekonomi antara negara Asia-Pasifik di Bali bulan depan.

Persidangan tiga hari yang akan bermula pada 11 Januari itu dianjurkan

oleh Pusat Kajian Strategik dan Antarabangsa (CSIS) yang beribu pejabat di Jakarta.

Pengerusi Kumpulan Sime Darby serta perunding kewangan Kerajaan, Tun Tan Siew Sin, dijemput menjadi ahli jawatankuasa persidangan itu.

Mereka akan bertemu dengan Presiden Suharto pada 14 Januari.